Utusan Borneo: 03 November 2026

Tiga lelaki simpan harta curi gagal bayar denda dipenjara sebulan

SIBU: Tiga lelaki masing-masing didenda RM2,000 atau sebulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana menyimpan harta curi secara bersama.

Majistret Oon Kork Chern menjatuhkan hukuman denda terhadap Addy Achin, 33, Irwan Kadir, 48, dan Rudy Langgi, 33, yang terdahulu mengaku bersalah terhadap pertuduhan tersebut.

Ketiga-tiga pesalah bagaimanapun gagal membayar denda berkenaan lalu diperintahkan menjalani hukuman penjara sebulan.

Mereka didakwa dengan sengaja menyimpan sembilan komponen logam milik seorang lelaki, 65, kira-kira jam 9.45 malam, 28 Oktober lalu, di sepanjang Jalan Lanang.

Kesalahan itu boleh dihukum mengikut Seksyen 411 Kanun Keseksaan, dibaca bersama Seksyen 34 kanun yang sama.

Berdasarkan fakta kes, anggota polis yang sedang menjalankan rondaan pencegahan jenayah di sepanjang Jalan Lanang terserempak dengan sebuah kereta yang dipandu dalam keadaan laju.

Polis kemudian mengejar kenderaan itu sebelum berjaya menahannya.

Pemandu dan dua penumpang kereta berkenaan kemudian dikenal pasti sebagai ketiga-tiga tertuduh.

Hasil pemeriksaan di bahagian but kereta yang disaksikan ketiga-tiga lelaki itu menemukan sembilan komponen logam, sebilah mata pisau dan dua batang sepana.